

D963

U B453 AAB  
MAHATHIR - ARAFAT R'R'R'

KUALA LUMPUR, 6 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGECEM KERAS GOLONGAN DI DALAM DAN LUAR NEGERI YANG MENGAKUI DIRI MEREKA SEBAGAI PEJUANG HAK ASASI MANUSIA TETAPI TIDAK MENGECEM KEKEJAMAN REJIM TEL AVIV KE ATAS RAKYAT PALESTIN.

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN ITU SERING MENGECEM KERAJAAN MALAYSIA KONONNYA ZALIM SEDANGKAN MEREKA +MEMEJAM MATA+ TERHADAP TINDAKAN GANAS REJIM YAHUDI YANG TIDAK TERAGAK-AGAK MEMBUNUH DAN MENCEDERAKAN RAKYAT PALESTIN TERMASUK KANAK-KANAK DAN WANITA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP PADA PERHIMPUNAN PERPADUAN MALAYSIA-PALESTIN YANG DIHADIRI OLEH PRESIDEN NEGARA PALESTIN, YASSER ARAFAT, SERTA ANGGOTA-ANGGOTA KABINETNYA DI STADIUM NEGARA DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUDAH TENTU GOLONGAN ITU AKAN MEMBUAT PELBAGAI KECAMAN KE ATAS KERAJAAN JIKA TINDAKAN SEPERTI YANG DILAKUKAN OLEH REJIM TEL AVIV KE ATAS RAKYAT PALESTIN ITU BERLAKU DI MALAYSIA.

+TETAPI APAKAH KECAMAN MEREKA KE ATAS ISRAEL?+ TANYA PERDANA MENTERI SAMBIL SEKALI GUS MEMBERI JAWAPANNYA, +TIDAK ADA.+ DAN DISAMBUT OLEH TEPUKAN GEMURUH OLEH KIRA-KIRA 10,000 HADIRIN.

+KENAPA PEMERINTAHAN MALAYSIA YANG TERTIB DAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG DITUDUH ZALIM?+ TANYA BELIAU LAGI. -- LAGI.  
1657MST 06 03 90

D964

U B454 AAB  
MAHATHIR - ARAFAT 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MEMPERSOALKAN KENAPA WUJUD SIKAP PILIH BULU PENILAIAN YANG BERBEZA-BEZA ITU.

BELIAU BERKATA INI DENGAN JELAS MEMBUKTIKAN BAHAWA GOLONGAN ITU MEMPUNYAI KEPENTINGAN MEREKA SENDIRI (DENGAN MENGECEM MALAYSIA).

TANPA MENAMAKAN GOLONGAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SIKAP HIPOKRIT YANG MEREKA AMALKAN ADALAH KETARA.

MENGENAI PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN, BELIAU BERKATA PERJUANGAN MEREKA MERUPAKAN PERJUANGAN YANG ADIL.

MEREKA HANYA MENUNTUT UNTUK MENDAPATKAN SEBUAH NEGARA DAN PEMERINTAHAN SENDIRI TANPA SEDIKIT PUN NIAT UNTUK MENGHALAU ATAU MENINDAS ORANG YAHUDI, KATANYA.

PERDANA MENTERI LALU MENYAMAKAN PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN DENGAN PERJUANGAN RAKYAT MALAYSIA KETIKA MENUNTUT KEMERDEKAAN IAITU UNTUK MENEGAKKAN KEADILAN TANPA NIAT UNTUK MENINDAS KAUM LAIN, BAHKAN SEBALIKNYA MAHU BERGANDING BAHU SESAMA MEREKA. -- LAGI.  
1659MST 06 03 90

D967

U B455 AAB  
MAHATHIR - ARAFAT 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT MALAYSIA YANG SENTIASA MEMBERI SOKONGAN PADU KEPADA PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN MERASA MARAH KERANA RAKYAT PALESTIN TIDAK DIBERI LAYANAN ADIL.

DALAM UCAPAN KIRA-KIRA SETENGAH JAM ITU, BELIAU JUGA MENYATAKAN DUKACITA KERANA WALAUPUN ADA USAHA UNTUK Mencari penyelesaian damai TETAPI REJIM TEL AVIV BANYAK BERDOLAK-DALIK.

MEREKA JUGA TERUS MENGGANAS KE ATAS RAKYAT PALESTIN SEHINGGA MENYEBABKAN BERIBU-RIBU KEMATIAN DAN KECEDERAAN SEJAK BERMULANYA +INTIFADAH+ ATAU KEBANGKITAN RAKYAT PALESTIN 27 BULAN LEPAS.

REJIM TEL AVIV JUGA TELAH MEMBENARKAN ORANG YAHUDI DARI RUSIA DITEMPATKAN SEMULA DI KAWASAN YANG DITAKLUKI MEREKA DI TEBING BARAT DAN SEMENANJUNG GAZA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMINTA PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO) TERUS BERUSAHA MENGADAKAN RUNDINGAN BAGI Mencari penyelesaian DAMAI.

BELIAU JUGA MEMINTA IRAN DAN IRAQ BERUSAHA MENYELESAIKAN PERSENGKETAAN MEREKA DI MEJA RUNDINGAN. -- LAGI.  
1706MST 06 03 90

## MAHATHIR - ARAFAT 4 KUALA LUMPUR

SEBAIK SAHAJA SELÉSAI UCAPAN OLEH PERDANA MENTERI, SEORANG KANAK-KANAK PEREMPUAN, THAJEEN NESA PACKWEER, 12, DARI SENTUL TIBA-TIBA MUNCUL DI ATAS PENTAS DAN MEMOHON KEBENARAN DARIPADA PENERUSI JAWATANKUASA PERHIMPINAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM UNTUK MENGALUNGAN BUNGA KEPADA PRESIDEN ARAFAT DAN DATUK SERI DR MAHATHIR.

PRESIDEN ARAFAT, YANG TERHARU DENGAN TINDAKAN GADIS KECIL ITU, TERUS MENGUCUP, MENDAKAP DAN MENJULANG ADIK ITU SERTA MEMINTANYA BERADA DI SAMPING BELIAU DI ATAS PENTAS. DETIK MENGHARUKAN ITU DISERTAI TEPUKAN GEMURUH OLEH HADIRIN.

SEMASA BERUCAP SELEPAS ITU, PRESIDEN ARAFAT BERIKRAR KEPADA SELURUH RAKYAT MALAYSIA BAHAWA RAKYAT PALESTIN AKAN TERUS BERJUANG SEHINGGA BERJAYA MENGHAPUSKAN PENDUDUKAN REJIM TEL AVIV DI BUMI PALESTIN.

SAMBIL MEMBERI AMARAN KEPADA MEREKA YANG CUBA MENERUSKAN PENJAJAHAN BANGSA PALESTIN, BELIAU BERKATA: +SAYA MASIH MENJULANG HASRAT KEAMANAN DI SEBELAH TANGAN DAN MEMEGANG SENJATA DI SEBELAH TANGAN LAGI+.

PRESIDEN ARAFAT MENGAKUI PERJUANGAN ITU BUKANLAH MUDAH TETAPI MENEGASKAN BELIAU PERCAYA LAMBAT LAUN BELIAU AKAN DAPAT MEMPELAWA DATUK SERI DR MAHATHIR DAN SAUDARA-SAUDARANYA DI MALAYSIA UNTUK SAMA-SAMA BERJEMAAH DI MASJID AL-AQSA DI BAITULMUGADDIS. -- LAGI.

MAHATHIR - ARAFAT 5 KUALA LUMPUR

+DENGAN NAMA KANAK-KANAK, KAUM WANITA, PEJUANG DAN RAKYAT PALESTIN, SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA SELURUH RAKYAT MALAYSIA YANG MENYOKONG PERJUANGAN PALESTIN,+ KATANYA DENGAN UCAPAN TERIMA KASIH SEBANYAK TIGA KALI.

BELIAU MENGAKHIRI UCAPANNYA SELAMA KIRA-KIRA 20 MINIT DENGAN MELAUNGKAN +HIDUP RAKYAT MALAYSIA+ DAN +HIDUP RAKYAT PALESTIN+ DALAM BAHASA MALAYSIA SEBANYAK TIGA KALI.

SEBELUM ITU, PRESIDEN ARAFAT DAN DATUK SERI DR MAHATHIR MASUK KE DALAM STADIUM NEGARA DENGAN BERPIMPIN TANGAN SERTA MELAMBAIKAN TANGAN YANG SEBELAH LAGI KEPADA HADIRIN, MELAMBANGKAN BETAPA ERATNYA SEMANGAT PERSAUDARAAN DAN PERPADUAN ANTARA RAKYAT MALAYSIA DAN PALESTIN.

MAJLIS BERMULA DAN BERAKHIR DENGAN LAGU KEBANGSAAN NEGARA PALESTIN DAN +NEGARAKU+ YANG DIMAINKAN OLEH PANCARAGAM POLIS DIRAJA MALAYSIA.

YANG TURUT BERADA DI ATAS RENTAS KHAS IALAH PARA MENTERI KABINET DAN TIMBALAN MENTERI SERTA BEBERAPA ORANG MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI. -- LAGI.

1755MST 06 03 90

D994

U B467 AAB

MAHATHIR - ARAFAT 6 KUALA LUMPUR

RAKYAT BERBILANG KAUM DARIPADA SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT DAN PERTUBUHAN TERMASUK KANAK-KANAK SEKOLAH YANG MENGHADIRI PERHIMPUNAN JELAS MENGGAMBARAN KEBENCIAN TERHADAP KEKEJAMAN REJIM ZIONIS ISRAEL MELALUI KAIN RENTANG DAN SEPANDUK, YANG ANTARANYA BERTULIS: +HAPUSKAN KEKEJAMAN ZIONIS+, +HENTIKAN PENGHIJRAHAN YAHUDI SOVIET KE PALESTIN+ DAN +GO TO HELL ZIONIST+ (PERGI JAHANAM ZIONIS).

WALAUPUN DIKAWAL RAPI, BEBERAPA HADIRIN SEMPAT MENGHULURKAN TANGAN UNTUK BERSALAMAN DENGAN PRESIDEN ARAFAT SEMASA DIIRINGI KELUAR MENINGGALKAN STADIUM BERSAMA-SAMA DATUK SERI DR MAHATHIR.

MAJLIS ITU DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH TELEVISYEN MALAYSIA.  
-- BERNAMA.